

**PENGGUNAAN STRATEGI BELAJAR BERSAMA RAKAN
DALAM KALANGAN PELAJAR KURSUS BAHASA ARAB DI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

***(THE USE OF PEER LEARNING STRATEGY AMONG
ARABIC LANGUAGE COURSE STUDENTS AT UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA (UiTM))***

**Ghazali Yusri^{1*}, Nik Mohd Rahimi², Parilah M. Shah³, Wan Haslina Wah⁴
and Ahmed Thalal Hassan⁵**

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor

^{2,3}Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi, Selangor

⁴Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jalan Yaacob Latif,
56000 Kuala Lumpur

⁵Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan,
Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan

*Corresponding author: gy_ar@yahoo.com

Abstrak: Kursus bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan satu subjek elektif kepada pelajar peringkat ijazah sarjana muda. Kajian ini bertujuan untuk melihat penggunaan strategi belajar bersama-sama rakan dalam kalangan pelajar dalam konteks kemahiran lisan bahasa Arab di UiTM. Ia berbentuk kajian campuran antara kuantitatif dan kualitatif serta menggunakan instrumen soal selidik pembelajaran sendiri (*self-regulated learning*) yang diubah suai daripada skala *The Motivated Strategies for Learning Questionnaire* (MSLQ) serta temu bual. Seramai 445 orang sampel terlibat dalam soal selidik yang dipilih melalui teknik persampelan rawak berstrata (*stratified random sampling*). Data kualitatif pula melibatkan 13 siri temu bual bersama pelajar. Kajian ini mendapati bahawa secara keseluruhannya, pelajar menggunakan strategi ini pada tahap yang tinggi. Penelitian terhadap subkomponen strategi ini pula menunjukkan bahawa ia paling banyak digunakan dalam gerak kerja berkumpulan, manakala tahap kesediaan pelajar untuk menerangkan pelajaran kepada rakan serta kesediaan pelajar untuk meluangkan masa untuk berbincang dengan rakan, masih lagi sederhana. Kajian ini mencadangkan beberapa langkah penambahbaikan dalam pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di UiTM seperti menggunakan pembantu pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar sendiri.

Kata kunci: strategi belajar bersama-sama rakan, pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab, strategi pembelajaran sendiri, MSLQ

Abstract: The Arabic course at Universiti Teknologi MARA (UiTM) Malaysia is an elective offered to first degree students. This study is aimed to investigate the use of peer learning strategy among students in learning oral Arabic at UiTM. It is a mixed method of quantitative and qualitative study using a questionnaire adapted from *The Motivated Strategies for Learning Questionnaire* (MSLQ) and interviews. The quantitative data were collected from 445 samples using the stratified random sampling technique.

Meanwhile, the qualitative data were collected by conducting 13 interview sessions with students. Overall, the study found that the use of this strategy among students was high. Further investigations on subcomponents of this strategy found that it was highly used in grouping activities. However, the level of students' readiness to provide explanations and to spend their time to discuss the course subjects during group discussions was moderate. This study suggested some improvements in learning oral Arabic in UiTM such as using peer assistants which could be officially selected among students themselves in learning oral Arabic.

Keywords: peer learning strategy, oral Arabic learning, self-regulated learning, MSLQ

PENDAHULUAN

Dewasa ini, keperluan untuk menguasai bahasa Arab sebagai salah satu bahasa dunia sering sahaja diperkatakan (Taha, 2007). Oleh itu, sebagai salah satu universiti yang terbesar di Malaysia, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah meletakkan bahasa Arab sebagai salah satu kursus keperluan universiti, sebaris dengan bahasa-bahasa asing yang lain. Para pelajar Ijazah Sarjana Muda UiTM perlu memilih salah satu bahasa ketiga yang ditawarkan dan mengikutinya selama tiga semester. Kursus ini diperuntukkan sebanyak dua jam kredit yang menyamai dua jam temu seminggu pada setiap semester. Selama tiga semester, para pelajar mengikuti kelas bahasa ketiga sebanyak enam jam kredit bersamaan dengan 84 jam temu, iaitu 28 jam temu bagi setiap semester (*The Academic Affairs Division*, 2009).

Konsep belajar bersama-sama rakan merupakan salah satu elemen yang terdapat dalam konsep pembelajaran sendiri. Pembelajaran sendiri didefinisikan sebagai satu proses pembelajaran yang berasaskan pelajar. Mereka mengaktifkan dan mengekalkan aspek kognitif, kelakuan dan afektif secara sistematik bertujuan untuk mencapai matlamat pembelajaran mereka (Brophy, 1998; Pintrich & Schunk, 1996). Penggunaan strategi pembelajaran sendiri didapati telah memberikan beberapa kelebihan kepada pelajar seperti mendorong kepada pencapaian yang tinggi dalam akademik (al-Alwan, 2008; VanZile-Tamsen & Livingston, 1999). Selain itu, kurikulum yang disusun dengan tujuan meningkatkan tahap pembelajaran sendiri juga menghasilkan pencapaian pelajar yang tinggi (Bail, Zhang, & Tachiyama, 2008; Zimmerman & Martinez-Pons, 2004).

Terdapat beberapa instrumen telah direka untuk mengukur tahap penggunaan strategi pembelajaran sendiri pelajar. Antara instrumen yang paling kerap digunakan menurut Duncan dan McKeachie (2005) ialah skala *The Motivated Strategies for Learning Questionnaire* (MSLQ) oleh Pintrich, Smith, Garcia dan McKeachie (1991). Berdasarkan MSLQ terdapat dua komponen utama dalam

strategi pembelajaran sendiri iaitu motivasi dan strategi pembelajaran. Strategi pembelajaran pula mempunyai tiga komponen utama, iaitu strategi kognitif, strategi metakognitif dan strategi pengurusan sumber. Strategi belajar bersama-sama rakan merupakan subkomponen strategi pengurusan sumber yang juga turut dikaitkan dengan strategi pengurusan masa dan pembelajaran, strategi pengurusan usaha serta strategi mencari bantuan.

Belajar bersama-sama rakan didapati mempunyai kesan yang positif terhadap pencapaian pelajar. Dialog dengan rakan membantu memperjelaskan dan memberi gambaran yang mendalam terhadap bahan kursus yang mungkin tidak diperolehi jika belajar secara bersendirian (Lynch, 2006; Pintrich, et al., 1991; Yoshida, 2008). Konsep belajar bersama-sama rakan lahir daripada Teori Vygotsky yang menyatakan bahawa perkembangan pengawalan kognitif adalah satu proses sosial dan berlaku secara berperingkat. Ia berkembang daripada usaha pembelajaran yang bergantung kepada orang lain kepada usaha sendiri (Van Meter & Stevens, 2000). Sebelum seseorang itu belajar sendiri, ia bergantung kepada orang lain selagi mana faktor rakan dan guru berfungsi. Perbezaan prestasi semasa seseorang itu beroperasi sendiri dengan prestasi semasa bertindak dengan rakan yang lain yang lebih kompeten, menyebabkan berlakunya pembelajaran sehingga pelajar itu menjadi kompeten seperti rakannya (Pintrich & Schunk, 1996; Van Meter & Stevens, 2000). Teori Vygotsky juga melihat manusia mempunyai keupayaan untuk mengubah suasana agar bersesuaian dengan kehendak mereka dan bukan sekadar bertindak balas dengan persekitaran dalam bentuk yang pasif sepertimana pendapat teori behavioris (Schunk, 1996).

Rakan sepengajian juga boleh bertindak sebagai satu model pembelajaran. Apabila seseorang pelajar melihat rakannya berjaya dalam pelajaran, mereka akan merasakan diri mereka juga dapat melakukan perkara yang sama (Pintrich & Schunk, 1996). Belajar bersama-sama rakan juga membentuk suasana pembelajaran secara kolaboratif dan kooperatif yang boleh meningkatkan motivasi pembelajaran intrinsik (Pintrich & Schunk, 1996; Van Meter & Stevens, 2000) dan meningkatkan sokongan kepada pelajar secara individu (Cajkler & Addelman, 2000; Dabbagh, 2003). Van Meter dan Stevens (2000) telah membuat ulasan literatur yang komprehensif mengenai teori pembelajaran kolaboratif bersama rakan. Walaupun begitu, hubungan antara rakan pelajar berlaku secara kompleks berbanding hubungan antara guru dan pelajar apatah lagi kelas itu mengandungi pelajar yang mempunyai keupayaan yang berbeza-beza. Mereka boleh bekerjasama dalam kelas dari segi menyiapkan tugas ataupun pelajar yang pandai membantu pelajar yang kurang pandai. Namun, keadaan sebaliknya juga boleh berlaku seperti sebahagian pelajar takut untuk mengambil bahagian dalam kelas kerana bimbang tentang penerimaan rakan-rakan yang lain ataupun pelajar perempuan yang malu kepada pelajar lelaki dan sebagainya (Cajkler & Addelman, 2000).

PERNYATAAN MASALAH

Kemahiran lisan merangkumi kemahiran mendengar dan bertutur. Pada peringkat UiTM, kajian terdahulu (Norhayuza, Naimah, Sahabudin & Ibrahim, 2004; Sahabudin, 2003) secara umum menyatakan bahawa pelajar UiTM masih lemah dalam kemahiran lisan bahasa Arab. Kelemahan ini boleh dikaitkan dengan pelbagai faktor. Antaranya ialah penggunaan strategi pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar. Beberapa kajian telah dilakukan sebelum ini bagi melihat tahap penggunaan strategi ini dalam konteks pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di UiTM seperti sikap (Ghazali, Nik Mohd Rahimi & Parilah, 2010b) serta motivasi dan kebimbangan ujian (Ghazali, Nik Mohd Rahimi & Parilah, 2010a). Walaupun begitu, kajian-kajian ini didapati tidak mengkaji penggunaan strategi belajar bersama-sama rakan dalam kalangan pelajar, sedangkan strategi ini telah dikenal pasti menyumbang kepada kejayaan pembelajaran (Ohta & Nakaone, 2004; Yoshida, 2008). Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan bagi mengkaji penggunaan strategi belajar bersama-sama rakan dalam kalangan pelajar. Kajian ini menggunakan gabungan kedua-dua jenis data iaitu data kuantitatif dan kualitatif secara serentak kerana menurut Creswell (2005) ia adalah baik kerana data kuantitatif digunakan bagi menggeneralisasikan dapatan kajian kepada keseluruhan populasi dan data kualitatif pula menerangkan secara terperinci permasalahan kajian.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan berdasarkan dua persoalan kajian, iaitu:

1. Sejauh manakah tahap penggunaan strategi belajar bersama-sama rakan dalam kalangan pelajar kursus bahasa Arab di UiTM?
2. Bagaimanakah pelajar menggunakan strategi belajar bersama-sama rakan dalam kursus bahasa Arab di UiTM?

METODOLOGI

Populasi pelajar sepenuh masa bagi tahap tiga Kursus Bahasa Arab sebagai bahasa ketiga di seluruh kampus UiTM dianggarkan berjumlah 2600 orang. Pelajar tahap tiga dipilih kerana mereka merupakan pelajar tahap tertinggi dalam kurikulum bahasa Arab di UiTM. Oleh itu, mereka dijangka sudah membentuk sikap tersendiri dalam menggunakan strategi belajar bersama-sama rakan dalam pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab. Berdasarkan bilangan populasi ini, seramai 455 orang telah dipilih dalam kajian ini, iaitu bilangan yang sesuai dan mencukupi untuk tujuan digeneralisasikan kepada populasi pelajar bahasa Arab tahap tiga di UiTM (Krejcie & Morgan, 1970). Mereka dipilih berdasarkan teknik

persampelan rawak berstrata (*stratified random sampling*) kerana populasi datang daripada gugusan fakulti yang berbeza. Di samping itu, teknik *disproportionate sampling* juga digunakan kerana jumlah peratusan pelajar yang mengambil kursus ini adalah berbeza antara gugusan fakulti. Data kuantitatif ini juga melibatkan semua kampus UiTM di seluruh Malaysia yang menawarkan kursus bahasa Arab tahap tiga (BAB501), iaitu melibatkan sebanyak 11 buah kampus negeri termasuk kampus utama di Shah Alam.

Soal selidik tentang strategi belajar bersama-sama rakan diadaptasi daripada instrumen pembelajaran sendiri MSLQ dengan menggunakan skala Likert 7 tahap. Sebelum kajian sebenar dilakukan, tahap alfa Cronbach bagi item kajian telah dianalisis bagi melihat tahap kebolehpercayaan item kajian. Analisis menunjukkan bahawa nilai alfa Cronbach yang diperolehi ialah 0.74 iaitu satu nilai kebolehpercayaan yang diterima oleh para sarjana (Sekaran, 2003). Selepas data diperolehi, satu analisis deskriptif dilakukan bagi melihat min strategi belajar bersama-sama rakan bagi keseluruhan pelajar. Untuk tujuan interpretasi data deskriptif, kajian ini membahagikan min kepada tiga tahap seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Kategori min skala Likert 7 tahap (adaptasi daripada Nik Mohd Rahimi, 2004)

Skor min	Tahap
5.01 hingga 7.00	Tinggi
3.01 hingga 5.00	Sederhana
1.00 hingga 3.00	Rendah

Kajian ini juga menggunakan teknik temu bual yang dirakam dengan menggunakan perakam MP3. Rakaman itu kemudiannya diberikan kod (sebagai contohnya, RP11 menunjukkan responden pelajar yang ke-11), diletakkan tarikh dan ditranskripsikan secara verbatim. Bagi mengesahkan data kualitatif, transkripsi temu bual disemak oleh responden bagi mendapatkan persetujuan mereka terhadap kandungan transkripsi tersebut. Seterusnya, tema bagi data temu bual diwujudkan dengan menggunakan perisian NVIVO7. Tema-tema itu kemudiannya dirujuk kepada pakar untuk mendapatkan pengesahan *Cohen Kappa*.

Responden temu bual dipilih berdasarkan kaedah persampelan kualitatif *purposeful sampling* dengan menggunakan prosedur pengambilan data secara *maximal variation sampling*. Menurut Creswell (2005), teknik ini bermaksud menyelidik dengan sengaja memilih individu atau lokasi untuk memahami fenomena dan situasi utama kajian. Kriteria yang digunakan dalam pemilihan sampel adalah tahap maklumat yang banyak yang dimiliki oleh sampel yang boleh digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Walaupun begitu, teknik ini

mempunyai pelbagai cara pelaksanaan. Dalam kajian ini, bentuk *maximal variation sampling* digunakan. Bentuk ini bermaksud penyelidik membuat persampelan berdasarkan individu yang berbeza dalam beberapa karektor seperti fakulti atau pengajian yang berlainan. Sehubungan dengan itu, seramai 13 orang pelajar terlibat dalam temu bual. Empat orang pelajar mewakili Gugusan Fakulti Sains dan Teknologi, enam orang daripada Gugusan Fakulti Sains Sosial dan empat orang yang lain mewakili Gugusan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan. Selain itu, dari segi latar belakang pengalaman pembelajaran bahasa Arab, enam orang pelajar terdiri daripada mereka yang sudah menamatkan pembelajaran bahasa Arab sehingga tingkatan menengah tinggi persekolahan, tiga orang sehingga peringkat sekolah rendah manakala empat orang pelajar yang lain terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai asas. Kepelbagaian latar belakang dan fakulti diambil kira bagi melihat pandangan pelajar dari pelbagai perspektif. Sebelum ditemu bual, para responden terlebih dahulu dimaklumkan bahawa skop temu bual hanya meliputi penggunaan strategi belajar bersama-sama rakan dalam konteks kemahiran lisan bahasa Arab sahaja dan tidak merangkumi kemahiran menulis dan membaca.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 2 menunjukkan nilai min keseluruhan pelajar bagi komponen strategi belajar bersama-sama rakan berada pada tahap yang tinggi ($M = 5.04$, $SP = 0.91$). Item-item yang terkandung dalam komponen strategi ini ialah item BR1 "Saya menerangkan pelajaran kemahiran lisan bahasa Arab kepada rakan sekelas atau rakan yang lain" ($M = 4.41$, $SP = 1.48$), BR2 "Saya bekerjasama dengan pelajar lain untuk melengkapkan tugas kemahiran lisan bahasa Arab" ($M = 5.81$, $SP = 1.09$) dan BR3 "Saya meluangkan masa untuk berbincang pelajaran kemahiran lisan bahasa Arab dengan kawan" ($M = 4.90$, $SP = 1.27$). Kesemua item berada pada tahap yang sederhana kecuali item BR2 yang berada pada tahap tinggi.

Jadual 2. Analisis deskriptif: Penggunaan strategi belajar bersama-sama rakan ($N = 455$)

Item	Min	SP	Interpretasi
BR1	4.41	1.48	Sederhana
BR2	5.81	1.09	Tinggi
BR3	4.90	1.27	Sederhana
Keseluruhan	5.04	0.91	Tinggi

Berdasarkan temu bual, pelajar didapati menggunakan strategi ini dalam beberapa bentuk. Sebahagian pelajar belajar bersama-sama rakan yang lebih pandai, dan terdapat juga pelajar yang belajar bersama-sama rakan yang tiada

asas dalam bahasa Arab. Perkara ini dapat diperhatikan melalui pernyataan mereka, antara lainnya:

"Saya belajar dengan kawan-kawan juga...sebab ada budak yang lebih *expert* daripada saya (RP10)"

"Saya ada seorang kawan tak de *basic...so...saya* jadi banyak belajar dengan dia...banyak *interact...dia* tanya saya...saya jawab (RP4)"

Sebahagian pelajar pula belajar bersama-sama pelajar senior, ahli keluarga dan pensyarah berbanding dengan rakan sekelas. Antaranya, mereka menyatakan:

"...saya belajar dengan *senior* saya...(RP11)"

"Kalau saya kat rumah saya belajar ngan abang saya ke...adik saya ke...(RP11)"

"Kalau Ida tak faham...Ida *straight* tanya ngan ustaz...(RP12)"

Malah terdapat pelajar yang meletakkan faktor rakan sebagai faktor penting dalam menentukan kejayaan mereka dalam pembelajaran, seperti kenyataan mereka di bawah:

"...tetapi yang jadi faktor utama saya...kawan saya Siti Hajar sebab tanpa dia memang saya...tak tahulah...*repeat* kot (RP2)"

Antara faktor yang menyebabkan mereka belajar bersama-sama rakan ialah faktor mudah untuk memahami, senang untuk mengingat, dan menghilangkan kebosanan ketika mengulang kaji. Perkara ini dapat dilihat melalui pernyataan mereka seperti di bawah:

"Saya suka belajar dengan kawan lah...mudah faham (RP10)"

"Dia bagitau kelemahan saya...dia kata kalau kita...macam kita...macam Ila tak tahu...jangan terlampau *stress* sangat...dia ajar benda yang senang nak ingat...*clue-clue* (RP11)"

"Saya lebih banyak *study* dengan kawan-kawan...sebab saya tak boleh...saya cepat rasa bosan kalau *study* sorang-sorang...*so* memang dengan kawan...memang kena ada kawan...kalau tak memang dalam 30 minit saya boleh *stop* begitu sahaja (RP4)"

Terdapat juga pelajar yang tidak gemar untuk belajar bersama-sama rakan. Mereka menganggap belajar bersama-sama rakan tidak dapat memberikan penyelesaian yang mutlak kepada permasalahan belajar dan menyebabkan pembelajaran menjadi tidak serius dan main-main, seperti pernyataan mereka:

"Kalau tanya ngan kawan ni...kawan ni pun *sure* tak *sure*...itu yang susah tu...sebab sama-sama tengah belajar kan...(RP12)"

"...sebab kalau belajar *in group* dia akan jadi lebih banyak main daripada belajar...(RP7)"

Pelajar juga didapati sibuk dengan tugas kursus-kursus yang lain, contohnya:

"Kalau saya...contoh kalau macam dia bagi latihan kan...petang ni ada kelas...tengahari tu baru buat...dan *last minute* jugaklah...yelah... diapun dua jam kredit aje...buat *assignment* yang jam kredit lebih tinggi lagilah (RP10)"

PERBINCANGAN

Dalam kajian ini, penggunaan strategi belajar bersama-sama rakan berada pada tahap yang tinggi. Walaupun begitu, penelitian terhadap subkomponen strategi ini mendapati, tahap ini banyak dipengaruhi oleh kerjasama mereka dalam melakukan aktiviti secara berkumpulan. Perkara ini sememangnya dijangka berlaku dalam kalangan pelajar kerana sepanjang pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di UiTM, mereka telah ditugaskan dengan beberapa gerak kerja secara kumpulan seperti menyiapkan projek lakonan di luar kelas dan juga persembahan kreatif. Oleh itu, pelajar tidak dapat lari daripada bekerjasama dengan rakan-rakan yang lain dalam satu kumpulan untuk menyiapkan tugas tersebut kerana ia sudah termasuk dalam pemberat kursus yang diberikan markah yang tertentu. Faktor markah adalah penting kerana dapatan kajian terdahulu (Ghazali et al., 2010a) membuktikan bahawa motivasi pelajar UiTM adalah lebih berasaskan motivasi ekstrinsik iaitu mendapatkan ganjaran seperti markah dan penghargaan berbanding motivasi intrinsik yang menekankan kepuasan belajar.

Gerak kerja dalam kumpulan memerlukan pelajar memilih rakan yang sesuai untuk berada dalam satu kumpulan. Berkaitan dengan hal ini, kajian Holmes (2003) terhadap budaya pemilihan rakan dalam gerak kerja berkumpulan di Malaysia mendapati pelajar memilih rakan berdasarkan hubungan sosial sesama mereka seperti hubungan yang baik dan bukannya disebabkan oleh asas akademik dan pencapaian pelajar. Hal ini sebenarnya bukanlah satu masalah, sebaliknya ia memberikan kelebihan kepada pelajar kerana mereka akan merasa

lebih selesa berada dalam satu kumpulan dengan rakan yang mempunyai hubungan yang baik dengan mereka, selari dengan pendapat beberapa sarjana lain (Fan, Lindt, Giner & Wolters, 2009; Newman, 2002). Malah dapatan kajian sebelum ini (Ghazali et al., 2010b) menunjukkan bahawa terdapat pelajar yang tiada pengalaman dalam pembelajaran bahasa Arab memandang pelajar yang berpengalaman sebagai sombong dan tidak memberikan respons kepada soalan mereka, selari juga dengan dapatan Yoshida (2008) sebelum itu. Dalam keadaan ini sudah tentulah pelajar lebih cenderung untuk memilih rakan yang senang untuk diajak berbincang dan bertemu muka.

Begitu juga, rakan yang lebih pandai berkemungkinan cenderung untuk memperbaiki segala kesilapan rakannya walaupun kecil. Keadaan ini menimbulkan tekanan kepada pelajar yang kurang pandai walaupun niat asal rakannya adalah baik. Dalam situasi sebegini, rakan-rakan yang lebih pandai mungkin dilihat sebagai sombong, iaitu apabila terlalu banyak kesilapan yang diperbetul dan diterangkan. Perkara ini telah diperjelaskan oleh Yoshida (2008) dalam dapatan kajian kualitatifnya. Apatah lagi sebagai pelajar dewasa, pelajar di UiTM mungkin mempunyai tahap ego dan nilai diri yang lebih tinggi yang menyebabkan mereka enggan dilihat sebagai terlalu lemah dalam pembelajaran. Selain itu, sekiranya tahap kesilapan pelajar adalah terlalu banyak dan keterlaluhan, maka ia juga akan menyebabkan pelajar yang pandai merasa tidak senang hati dan tidak memilihnya untuk berada di dalam satu kumpulan.

Walaupun begitu, komponen lain dalam strategi belajar bersama-sama rakan menunjukkan bahawa pelajar kurang mempunyai inisiatif untuk menerangkan pelajaran kepada rakan yang lain serta kurang meluangkan masa untuk berbincang dengan kawan. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor kesibukan mereka dengan kursus yang lain serta anggapan bahawa rakan tidak mampu menyelesaikan segala permasalahan yang diajukan kepada mereka (lihat data temu bual). Mereka juga menganggap belajar bersama-sama rakan berlaku dalam bentuk yang tidak serius dan main-main. Pandangan pelajar ini selari dengan dapatan Yoshida (2008) yang menyatakan bahawa walaupun pelajar telah berbincang sesama mereka, tetapi mereka tetap juga bertanya kepada guru dengan tujuan untuk mengesahkan hasil perbincangan mereka. Hal ini kerana mereka berpendapat guru adalah lebih berkelayakan dan rakan pula tidak dapat menerangkan kesemua permasalahan mereka.

Temu bual menunjukkan pelajar sememangnya menggunakan strategi belajar bersama-sama rakan dalam pelbagai bentuk. Sebahagian pelajar belajar bersama-sama rakan yang lebih pandai, sebahagian yang lain belajar bersama-sama rakan yang tiada pengalaman belajar bahasa Arab. Terdapat pelajar yang belajar bersama-sama pelajar senior, ahli keluarga dan pensyarah berbanding dengan rakan sekelas. Malah terdapat pelajar yang meletakkan faktor belajar bersama-

sama rakan sebagai faktor penting yang menentukan kejayaan mereka dalam pembelajaran. Antara faktor yang menyebabkan mereka belajar bersama-sama rakan ialah mereka mudah faham dan ingat serta tidak bosan ketika mengulang kaji.

Kajian Ohta dan Nakaone (2004) menunjukkan bahawa pelajar lebih banyak bertanya dalam kerja berkumpulan berbanding bertanya kepada guru di dalam kelas. Malah, kajian mereka juga menunjukkan bahawa belajar bersama-sama rakan dapat menyelesaikan lebih kurang 80% daripada masalah pelajar bergantung kepada tahap pembelajaran mereka. Perkara ini memberikan idea untuk mewujudkan konsep pembantu pembelajaran yang dipilih dalam kalangan pelajar bahasa Arab sendiri. Malah mereka mungkin diberi perlantikan khas yang diiktiraf oleh pihak Unit Bahasa Arab UiTM. Konsep ini telah diuji oleh Rodriguez-Sabater (2005) dan kesannya adalah positif kepada pelajar dan pembantu pelajar itu sendiri. Dalam kajian beliau, sebelum pembantu pelajar dilantik, mereka diuji terlebih dahulu dan perlu melepasi tahap tertentu dalam indeks kemahiran bahasa. Mereka kemudiannya dilatih untuk menyelia pelajar termasuklah cara membuat aktiviti berkumpulan dan aktiviti-aktiviti yang lain.

Roscoe dan Chi (2007) juga menyuarakan perkara yang sama tentang kepentingan pembantu pelajar dari kalangan pelajar. Mereka mencadangkan agar pembantu-pembantu ini dilatih terlebih dahulu. Fuchs, Fuchs dan Kazdan (1999) dan Fuchs dan Fuchs (2005) sebelum itu telah membina satu strategi pembelajaran yang dinamakan *Peer-Assisted Learning Strategies* (PALS) dan telah menguji strategi tersebut dalam beberapa ujian eksperimen. Kajian mereka menunjukkan bahawa pelajar yang menggunakan strategi ini menunjukkan tahap kefahaman dalam kemahiran membaca melebihi pelajar lain dan mempunyai kepercayaan yang lebih positif untuk bekerja keras untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam pembacaan. Walaupun kajian ini dilakukan terhadap kemahiran membaca, namun dari segi konsepnya, ia juga boleh dilaksanakan pada peringkat kemahiran lisan.

Zha, Kelly, Park dan Fitzgerald (2006) pula dalam kajian mereka tentang penggunaan papan perbincangan elektronik pula menyebut bahawa pelajar lebih suka berinteraksi dengan menggunakan bahasa kasual yang tidak formal apabila mereka sudah sehati dengan suasana pembelajaran. Perbincangan ini juga melibatkan interaksi antara rakan pelajar. Keterlibatan mereka akan menjadi lebih tinggi sekiranya mereka tidak merasa tertekan dan belajar secara santai selari juga dengan dapatan kajian-kajian lain (Fan et al., 2009; Newman, 2002; Yoshida, 2008). Oleh itu, apabila pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab membabitkan pembelajaran sesama pelajar, maka suasana yang lebih santai akan dapat diwujudkan, seterusnya dapat menggalakkan perbincangan dan penggunaan bahasa yang lebih aktif.

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa implikasi terhadap pembelajaran bahasa Arab di UiTM. Penelitian terhadap subkomponen strategi belajar bersama-sama rakan mendapati, ia masih kurang digunakan melainkan dalam gerak kerja berkumpulan. Oleh itu, aktiviti belajar bersama-sama rakan perlu digalakkan dan tidak hanya terhad kepada melaksanakan tugas kerja berkumpulan yang telah ditugaskan semata-mata. Mungkin pihak pengurusan perlu mewujudkan pembantu pembelajaran dalam kalangan pelajar sendiri bagi membantu rakan-rakan yang memerlukan bantuan. Kewujudan mereka adalah lebih bermakna kerana mereka tinggal bersama rakan pelajar yang lain dan mempunyai lebih masa untuk berbincang dengan mereka berbanding pensyarah. Selain itu, suasana pembelajaran yang lebih santai dan tiada tekanan juga dapat diwujudkan.

KESIMPULAN

Penggunaan strategi belajar bersama-sama rakan adalah penting dalam pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab. Dalam konteks pembelajaran di UiTM, ia telah digunakan pada tahap yang tinggi dalam pelaksanaan tugas berkumpulan, namun ia masih lagi berada pada tahap yang sederhana dalam aspek kesediaan mereka untuk menerangkan pelajaran kepada rakan yang lain serta kesediaan mereka untuk meluangkan masa untuk perbincangan. Oleh itu, usaha perlu dilakukan bagi menggalakkan pelajar untuk berbincang seperti mewujudkan pembantu pelajar dalam kalangan pelajar di samping memberikan kefahaman kepada pelajar tentang kepentingan penggunaan strategi ini dalam pembelajaran. Peningkatan dalam penggunaan strategi ini dijangka dapat membantu pelajar dalam menguasai kemahiran lisan bahasa Arab seterusnya dapat meningkatkan pencapaian akademik mereka.

RUJUKAN

- al-Alwan, A. F. (2008). Self-regulated learning in high and low achieving students at al-Hussein bin Talal University (AHU) in Jordan. *International Journal of Applied Educational Studies*, 1(1), 1–13.
- Bail, F. T., Zhang, S., & Tachiyama, G. T. (2008). Effects of a self-regulated learning course on the academic performance and graduation rate of college students in an academic support program. *Journal of College Reading and Learning*, 39(1), 54–72.
- Brophy, J. (1998). *Motivating students to learn*. New York: McGraw-Hill.

- Cajkler, W., & Addelman, R. (2000). *The practice of foreign language teaching* (2nd ed.). London: David Fulton Publishers.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research, planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research* (2nd ed.). New Jersey: Pearson Education.
- Dabbagh, N. (2003). Scaffolding: An important teacher competency in online learning. *TechTrends*, 47(2), 39–44.
- Duncan, T. G., & McKeachie, W. J. (2005). The making of the motivated strategies for learning questionnaire. *Educational Psychologist*, 40(2), 117–128.
- Fan, W., Lindt, S. F., Giner, C. A. A., & Wolters, C. A. (2009). The role of social relationships in promoting student academic self-efficacy and MIMIC approaches to assess factorial mean invariance. *International Journal of Applied Educational Studies*, 5(1), 34–53.
- Fuchs, D., & Fuchs, L. S. (2005). Peer-assisted learning strategies: Promoting word recognition, fluency, and reading comprehension in young children. *The Journal of Special Education*, 39(1), 34–44.
- Fuchs, L. S., Fuchs, D., & Kazdan, S. (1999). Effects of peer-assisted learning strategies on high school students with serious reading problems. *Remedial and Special Education*, 20(5), 309–318.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Parilah M. Shah (2010a). Kebimbangan ujian dan motivasi dalam kalangan pelajar kursus bahasa Arab dalam konteks kemahiran lisan. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education*, 2(2), 50–63.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, & Parilah M. Shah (2010b). Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online Journal of Language Studies*, 10(3), 15–33.
- Holmes, R. (2003). Collaborative projects: A study of paired work in a Malaysian university. *Innovations in Education and Teaching International*, 40(3), 254–259.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining samples size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Lynch, D. J. (2006). Motivational factors, learning strategies and resource management as predictors of course grades. *College Student Journal*, 40(2), 423–428.
- Newman, R. S. (2002). How self-regulated learners cope with academic difficulty: The role of adaptive help seeking. *Theory into Practice*, 41(2), 132–138.

- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2004). *Kemahiran mendengar bahasa Arab: Satu kajian di Sekolah Menengah Kerajaan Negeri*. Unpublished PhD dissertation. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Norhayuza Mohamad, Naimah Abdullah, Sahabudin Salleh, & Ibrahim Abdullah. (2004). *Kajian penilaian modul BA UiTM (2002) peringkat ijazah*. Shah Alam: Institut Penyelidikan, Pembangunan & Pengkormesialan UiTM.
- Ohta, A. S., & Nakaone, T. (2004). When students ask questions: Teacher and peer answers in the foreign language classroom. *IRAL, International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 42(3), 217–237.
- Pintrich, P. R., & Schunk, D. H. (1996). *Motivation in education: Theory, research and applications*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall Inc.
- Pintrich, P. R., Smith, D. A. F., Garcia, T., & McKeachie, W. J. (1991). *A manual for the use of the Motivated Strategies for Learning Questionnaire (MSLQ)*. Michigan: University of Michigan. Retrieved 17 October 2008, from <http://eric.ed.gov/PDFS/ED338122.pdf>.
- Rodríguez-Sabater, S. (2005). Utilizing undergraduate peer teaching assistants in a speaking program in Spanish as a foreign language. *Foreign Language Annals*, 38(4), 533–543.
- Roscoe, R. D., & Chi, M. T. H. (2007). Understanding tutor learning: Knowledge-building and knowledge-telling in peer tutors' explanations and questions. *Review of Educational Research*, 77(4), 534–574.
- Sahabudin Salleh. (2003). *Masalah penguasaan bahasa Arab komunikasi di kalangan pelajar Melayu: Satu kajian kes*. Unpublished master's dissertation. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Schunk, D. H. (1996). *Learning theories* (2nd ed.). Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Sekaran, U. (2003). *Research methods for business: A skill-building approach* (4th ed.). USA: John Wiley & Sons, Inc.
- Taha, T. A. (2007). Arabic as "a critical-need" foreign language in post-9/11 era: A study of students' attitudes and motivation. *Journal of Instructional Psychology*, 34(3), 150–160.
- The Academic Affairs Division. (2009). Academic regulations: Diploma and bachelor degree (Honours) programmes (amendment 2009). Retrieved 4 May 2010, from http://www.hea.uitm.edu.my/images/stories/downloads/academic_regulations/Academic%20Regulations%20Diploma%20Degree%202009.pdf.

- Van Meter, P., & Stevens, R. J. (2000). The role of theory in the study of peer collaboration. *The Journal of Experimental Education*, 69(1), 113–127.
- VanZile-Tamsen, C., & Livingston, J. A. (1999). The differential impact of motivation on the self-regulated strategy use of high and low achieving college students. *Journal of College Student Development*, 40(1), 54–60.
- Yoshida, R. (2008). Learners' perception of corrective feedback in pair work. *Foreign Language Annals*, 41(3), 525–541.
- Zha, S., Kelly, P., Park, M. A. K., & Fitzgerald, G. (2006). An investigation of communicative competence of ESL students using electronic discussion boards. *Journal of Research on Technology in Education*, 38(3), 349–367.
- Zimmerman, B. J., & Martinez-Pons, M. (2004). Pursuing academic self-regulation: A 20-year methodological quest. In J. Ee, A. Chang, & O. S. Tan (Eds.), *Thinking about thinking* (pp. 3–30). Singapore: McGraw Hill Education.